

**GERAKAN SOSIAL DALAM  
KOMUNITI ONLINE: SATU KAJIAN WACANA  
“GERAKAN 1,000,000 FACEBOOKERS SOKONG  
CHANDRA HAMZAH DAN  
BIBIT SAMAD RIYANTO” DI INDONESIA**

**Oleh**

**PONCO BUDI SULISTYO**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Komunikasi**

**Oktober 2015**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillahirobbil alamin, puji syukur kehadiran Allah SWT di atas rahmat, hidayah, petunjuk dan limpah kurniaNya, telah memberikan kekuatan, ketabahan, ketekunan dan kesabaran untuk membolehkan disertasi ini selamat diselesaikan.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Azman Azwan Azmawati atas bimbingan, panduan, pedoman, sokongan, nasihat, kesabaran, do'a dan juga ilmu yang telah dicurahkan bagi memamatkan saya untuk mendalami penyelidikan dan seterusnya menyiapkan disertasi ini.

Ucapan penghargaan juga kepada Profesor Madya Dr. Jamilah Hj Ahmad, Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein, Dr. Shuhaida Md. Noor, Dr. Juliana Abd Wahab, Profesor Madya Dr. Mustafa Kamal Anuar serta seluruh kakitangan akademik Pusat Pengajian Komunikasi dan Profesor Madya Dr. Noraida Endut, Pengarah Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA), Universiti Sains Malaysia di atas nasihat, panduan dan pedoman untuk saya semasa mengikuti pengajian.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada Universitas Mercu Buana, Jakarta yang telah memberikan biasiswa dan cuti belajar kepada saya untuk menimba ilmu bagi mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada pimpinan Universitas Mercu Buana, Jakarta, khususnya kepada Dr. Arissetyanto Nugroho., MM (Rektor), Dr. Purwanto SK., M.Si (Wakil Rektor Perencanaan dan Pengembangan Sumber Daya), Prof. Dana Santoso, M.Eng,Sc, Ph.D (Wakil Rektor Bidang Hubungan Internasional dan Inovasi), Dra. Yuli Harwani, MM, (Direktur Sumber Daya) dan kakitangan lainnya atas segala perhatian, do'a dan sokongan yang telah diberikan.

Ucapan penghargaan kepada pimpinan Fakultas Ilmu Komunikasi, Universitas Mercu Buana, Jakarta, khususnya kepada Dra. Diah Wardhani., M.Si (Dekan tahun 2006 – 2013), Dr. Agustina Zubair., M.Si (Dekan), Drs. A. Rachman., MM (Timbalan Dekan) dan rakan-rakan seperjuangan, khususnya di Bidang Studi Broadcasting.

Tidak lupa juga kepada semua kakitangan sokongan di Pusat Pengajian Komunikasi USM, rakan seperjuangan di USM (Saudara Raqib Sofian, Saudari Eli Jamilah, Saudari Ida Anggraeni, Saudara Haja Mydin, Saudari Rohana Mijan, Saudari Ayesha Asfak, Saudari Anna Agustina, Saudara Zubair Mahmood, Saudara Noman Yaser, Saudari Shoomaila Anosh, Saudari Yani Hendrayani, Saudara Abbas, Saudara Chanson Wang, Saudara Jamsari, Saudari Yeni Rosilawati, Saudara Shao Bao dan lain-lain) di atas segala nasihat dan juga pertolongan untuk saya menyelesaikan disertasi ini.

Kepada Bapak dan Ibu K. Darmo Suwito serta Bapak dan Ibu Ristjandra Utama yang tidak pernah berhenti mendo'akan kesejahteraan dan kejayaan saya, isteriku Rizki Ayu Budipratiwi yang sentiasa sabar menanti dan memberikan sokongan moral dan cinta tak ternilai, buat anak-anakku Rafa Khansa Fatimah dan

Pandya Khairan Fathani yang sentiasa menerangi hati dan fikiran, semoga Allah SWT mengurniakan kejayaan di dunia dan akhirat.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang tak dapat disebutkan satu demi satu atas segala do'a dan sokongannya sehingga saya dapat menyelesaikan penyelidikan disertasi Doktor Falsafah saya ini.

Semoga Allah SWT membalas dan merahmati semua. Aamiin yaa robbal alamiin...

Penang, September 2015

Ponco Budi Sulistyو

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan .....	ii
Jadual Kandungan .....	v
Senarai Jadual .....	x
Senarai Rajah .....	xii
Senarai Lampiran .....	xiii
Abstrak .....	xiv
<i>Abstract</i> .....	xvi
<b>BAB 1       PENDAHULUAN</b>	
1.1    Latar Belakang Kajian .....	1
1.2    Rasional Kajian .....	10
1.2    Persoalan Kajian .....	13
1.3    Objektif dan Kepentingan Kajian .....	14
1.3.1   Objektif Kajian .....	14
1.3.2   Kepentingan Kajian .....	14
1.4    Skop Kajian .....	16
<b>BAB 2       SOROTAN KAJIAN LALU DAN KERANGKA TEORI</b>	
2.1    Pendahuluan .....	18
2.2    Sorotan Kajian Lalu .....	19
2.3    Kerangka Teori .....	27
2.3.1   Gerakan Sosial: Satu Pendekatan Teoritikal .	27
2.3.2   Media Sosial dan Komuniti Online .....	35

2.3.3	Pola dan Ciri-Ciri Komunikasi Dalam Perbincangan Media Sosial .....	41
2.3.4	Pembinaan Sosial Terhadap Realiti di Dalam Media Sosial .....	52
2.3.5	Ideologi, Kognisi Sosial dan Wacana Teks ...	56
2.3.6	Politik dan Ekonomi Media Sosial: Suatu Pendekatan Teoritikal .....	60

**BAB 3 RASUAH DAN FENOMENA GERAKAN SOSIAL ANTI-RASUAH DI INDONESIA**

3.1	Sejarah dan Perkembangan Kes Rasuah di Indonesia ..	66
3.1.1	Era Sebelum Kemerdekaan Republik Indonesia ..	67
3.1.2	Era Selepas Kemerdekaan/”Orde Lama” (1945 – 1965) .....	70
3.1.3	Era “Orde Baru” (1966 – 1998) .....	71
3.1.4	Era Reformasi (1999 – sekarang) .....	73
3.2	Gerakan Sosial di Indonesia dari Semasa ke Semasa ...	77
3.3	Penyertaan Masyarakat di Dalam Gerakan Anti-Rasuah di Indonesia .....	80

**BAB 4 METODOLOGI**

4.1	Paradigma Kajian .....	88
4.2	Kaedah Kajian .....	89
4.2.1	Analisis Kandungan .....	89
4.2.1.1	Populasi dan Sampel .....	90
4.2.1.2	Unit Analisis .....	92
4.2.1.3	Operasionalisasi Kategori .....	93
4.2.1.4	Sistem Kuantifikasi .....	94

4.2.1.5 Pengkodan .....	94
4.2.1.6 Teknik Analisis Data .....	96
4.2.2 Analisis Wacana .....	96
4.2.2.1 Fokus Kajian .....	97
4.2.2.2 Unit Analisis Wacana .....	98
4.2.2.3 Alat Kajian Analisis Wacana .....	102
4.2.2.3.1 Teks .....	104
4.2.2.3.2 Kognisi Sosial .....	109
4.2.2.3.3 Konteks .....	110
4.2.2.4 Teknik Analisis Data .....	112
4.2.3 Temu Bual Mendalam Separa Berstruktur (Analisis Kognisi Sosial) .....	113
4.2.3.1 Sumber Maklumat .....	116

**BAB 5 HASIL KAJIAN: ANALISIS KANDUNGAN, ANALISIS WACANA DAN TEMU BUAL SECARA MENDALAM**

5.1 Kajian Analisis Kandungan .....	119
5.2 Kajian Analisis Wacana .....	122
5.2.1 Analisis Wacana Perbincangan Dengan Tema “Sokongan Terhadap KPK Dalam Usaha Pembanteras Rasuah dan Penyelesaian Kes-Kes Rasuah di Indonesia” .....	124
5.2.2 Analisis Wacana Perbincangan Dengan Tema “Kritikan atau Keraguan Terhadap KPK di Bawah Kepimpinan Busyro Moqoddas Dalam Membanteras Rasuah dan Menyelesaikan Kes-Kes Rasuah di Indonesia” .....	153

5.2.3	Analisis Wacana Perbincangan Dengan Tema “Kritikan atau Keraguan Terhadap Kerajaan, Pihak Polis dan Penegak Undang-Undang Dalam Menyokong Pembanterasan Rasuah dan Penyelesaian Kes-Kes Rasuah di Indonesia .....	219
5.2.4	Analisis Wacana Perbincangan Dengan Tema “Sokongan Terhadap KPK di bawah Kepimpinan Busyro Muqoddas Dalam Membanteras Rasuah dan Menyelesaikan Kes-Kes Rasuah di Indonesia .....	226
5.2.5	Analisis Wacana Perbincangan Dengan Tema “Mempersoalkan Komitmen Chandra Hamzah dan Bibit Samad Riyanto Dalam Membanteras Rasuah dan Menyelesaikan Kes-Kes Rasuah di Indonesia” .....	232
5.3	Rumusan .....	251
5.4	Temu Bual Mendalam (Analisis Kognisi Sosial) ....	256
5.4.1	Latar Belakang Penggunaan Media Sosial Facebook .....	257
5.4.2	Latar Belakang Penubuhan Gerakan Sosial Anti Rasuah di Media Sosial Facebook di Indonesia .....	265
5.4.3	Latar Belakang Menjadi Ahli Kumpulan Gerakan Sosial Anti Rasuah di Media Sosial Facebook di Indonesia .....	269
5.4.4	Aktiviti Komunikasi Gerakan Sosial Anti Rasuah di Laman Media Sosial Facebook di Indonesia .....	271
5.4.5	Facebook dan Gerakan Sosial Anti Rasuah di Indonesia .....	280
5.4.6	Faktor-Faktor Luaran Terwujudnya Gerakan Sosial Anti Rasuah di Media Sosial Facebook di Indonesia .....	287
5.4.7	Rumusan .....	296

**BAB 6****PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

6.1	Pola dan Ciri-Ciri Komunikasi Gerakan Sosial Anti-Rasuah di Media Sosial Facebook .....	302
6.2	Peranan Ideologi Sebagai Kerangka Asas Dalam Mengatur Kognisi Sosial .....	314
6.3	Faktor-Faktor Yang Menjadi Latar Belakang Menyertai Gerakan Sosial Anti-Rasuah di Media Sosial Facebook .....	316
6.4	Peranan Media Sosial Dalam Membantu Mewujudkan Gerakan Sosial Anti-Rasuah dan Komuniti Online di Indonesia .....	321
6.5	Kesimpulan .....	323
6.6	Batasan Kajian .....	336
6.7	Masalah Kajian .....	337
7.8	Cadangan Bagi Kajian Masa Depan .....	339
	Senarai Rujukan .....	341

## SENARAI JADUAL

	Muka Surat	
Jadual 1.1	Jumlah Pengguna Facebook Mengikut Negara	9
Jadual 1.2	Pertumbuhan Pengguna Facebook Mengikut Negara	10
Jadual 4.1	Sampel Kajian Analisis Kandungan	92
Jadual 4.2	Sampel Kajian Analisis Wacana	102
Jadual 4.3	Struktur Teks Model Analisis Wacana Van Dijk	105
Jadual 5.1.1	Kecenderungan Jenis Pernyataan Pada Status Penghantaran Dinding	119
Jadual 5.1.2	Kecenderungan Jenis Pernyataan Pada Komen	121
Jadual 5.2.1.1	Sampel (3hb Januari 2011)	124
Jadual 5.2.1.2	Sampel (19hb Januari 2011)	128
Jadual 5.2.1.3	Sampel (31hb Januari 2011)	134
Jadual 5.2.1.4	Sampel (31hb Januari 2011)	141
Jadual 5.2.1.5	Sampel (25hb Julai 2011)	148
Jadual 5.2.2.1	Sampel (26hb Januari 2011)	153
Jadual 5.2.2.2	Sampel (3hb Februari 2011)	160
Jadual 5.2.2.3	Sampel (2hb Februari 2011)	169
Jadual 5.2.2.4	Sampel (16hb Februari 2011)	177
Jadual 5.2.2.5	Sampel (16hb Februari 2011)	186
Jadual 5.2.2.6	Sampel (17hb Februari 2011)	195
Jadual 5.2.2.7	Sampel (6hb Mac 2011)	201
Jadual 5.2.2.8	Sampel (14hb Ogos 2011)	207
Jadual 5.2.2.9	Sampel (16hb Ogos 2011)	212

Jadual 5.2.3	Sampel (14hb Februari 2011)	219
Jadual 5.2.4	Sampel (25hb Februari 2011)	226
Jadual 5.2.5.1	Sampel (31hb Mac 2011)	232
Jadual 5.2.5.2	Sampel (15hb Jun 2011)	237
Jadual 5.2.5.3	Sampel (23hb Julai 2011)	244
Jadual 5.4.1	Senarai Responden Penyelidikan Dalam Kalangan Pentadbir dan Ahli Kumpulan	256
Jadual 5.4.2	Awal Mula Responden Menggunakan Media Sosial Facebook	258

## SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 3.1	
Akaun Kumpulan “Gerakan 1.000.000 Facebookers Sokong Chandra Hamzah dan Bibit Samad Riyanto” di Laman Web Facebook.com	86

## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Sampel Analisis Kandungan dan Analisis Wacana
- Lampiran 2 Senarai Responden Dalam Kalangan Pakar
- Lampiran 3 Helaian Pengkodan
- Lampiran 4 Transkrip Temu Bual

**GERAKAN SOSIAL DALAM KOMUNITI ONLINE:  
SATU KAJIAN WACANA “GERAKAN 1,000,000 FACEBOOKERS  
SOKONG CHANDRA HAMZAH DAN BIBIT SAMAD RIYANTO”  
DI INDONESIA**

**ABSTRAK**

Kewujudan media sosial pada masa kini telah membawa impak kepada pelbagai aktiviti komunikasi, orang ramai lebih bebas mengungkapkan perasaan, idea ataupun gagasan sesuai dengan keinginan, tujuan, kepercayaan serta ideologi masing-masing. Dengan mengambil sampel kes terhadap kumpulan gerakan sosial anti-rasuah di media sosial Facebook yang bernama “Gerakan 1,000,000 Facebookers Sokong Bibit Samad Riyanto dan Chandra Hamzah”, kajian ini bertujuan untuk menerangkan pola dan ciri-ciri komunikasi yang berlaku, peranan ideologi sebagai kerangka asas untuk mengatur kognisi sosial yang dikongsi, faktor-faktor yang menjadi latar belakang ahli-ahli kumpulan untuk menyertainya dan menerangkan peranan media sosial dalam mewujudkan gerakan sosial anti-rasuah di dalam komuniti online di Indonesia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dilengkapkan dengan kaedah kuantitatif iaitu analisis wacana ideologi, temu bual mendalam dan analisis kandungan. Bagi melengkapkan data yang berkaitan dengan aspek-aspek kognisi sosial, 15 ahli komuniti dan lima pakar yang berkaitan telah ditemu bual. Kajian mendapati bahawa ideologi memainkan peranan dalam mempengaruhi pola komunikasi dalam kalangan ahli-ahli komuniti. Pola komunikasi telah berubah secara dinamik mengikut prestasi Komisi Pemberantasan Korupsi/Rasuah (KPK) dalam mengendalikan kes-kes rasuah. Ciri-ciri komunikasi

kebanyakannya sama atau mendatar; peserta dapat menyuarakan pandangan secara bebas, secara terbuka dan berterusan. Selain itu, kajian juga mendapati pola dan ciri-ciri komunikasi yang berlaku dipengaruhi oleh kekecewaan dan kemarahan ahli-ahli komuniti kepada perasuah dan pihak berkuasa yang tidak serius dalam menyelesaikan kes-kes rasuah. Ianya adalah struktur ideologi yang telah menjadi satu kerangka asas bagi ahli-ahli kumpulan dalam menyatakan perasaan dan aspirasi melalui media sosial. Manakala, antara alasan mereka dalam menggunakan media sosial kerana ia dianggap lebih mudah, lebih murah, lebih terbuka dan lebih bebas.

**SOCIAL MOVEMENT WITHIN ONLINE COMMUNITY:  
A DISCOURSE ANALYSIS OF “1,000,000 FACEBOOKERS SUPPORT  
CHANDRA HAMZAH AND BIBIT SAMAD RIYANTO MOVEMENT”  
IN INDONESIA**

**ABSTRACT**

Social media has an impact on a variety of communication activities, which enables people to express their feelings, ideas or thoughts on their wants, purpose, belief and ideology. By taking the anti-corruption social movement on the social networking website Facebook called “1,000,000 Facebookers Support Chandra Hamzah and Bibit Samad Riyanto Movement” as samples, this study aims to examine the communication patterns and characteristics by using ideology as the basic framework to arrange shared social cognition, the factors behind why the members join that particular group and the role of social media in creating an anti-corruption social movement in the online community in Indonesia. This study used both qualitative and quantitative methods. They are ideological discourse analysis, in-depth interviews and content analysis. In order to complement the data on social cognition, 15 of the group members and five relevant experts were interviewed. The study found that ideology has played an important role in influencing the communication patterns among the community members. The communication patterns have changed dynamically according to the performance of Anti-Corruption Commission of Indonesia (KPK) in handling the corruption cases. The communication characteristics are mostly equal or horizontal and participants are able to express their views freely, openly and continuously. The patterns and characteristics of communication were much influenced and heightened by the

members' deep frustration and anger towards the perpetrators and the authorities who were not serious in eradicating corruption. This is an ideology structure which has become a framework for the group members in expressing their feelings and aspirations through social media. The social media has become their platform because it is considered more convenient, more open, cheaper, and freer.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Gerakan sosial berkembang seiring dengan perubahan sosial yang berlaku di dunia. Dalam gerakan sosial, sejumlah besar kumpulan individu yang biasanya tidak memiliki kuasa dan pengaruh politik memutuskan untuk mendorong atau menolak perubahan sosial yang terjadi melalui suatu tindakan tertentu (Tarro, 1998). Pada masa kini, organisasi dan strategi gerakan sosial telah dipetakan semula (*re-mapping*) oleh teknologi komunikasi baru yang berasaskan kepada teknologi internet. Ianya juga membantu untuk mengenal pasti bahawa pejuang gerakan sosial telah melakukan tindak balas terhadap media massa yang sebelum ini mempunyai peranan yang cukup dominan dalam proses perubahan sosial (Rheingold, 1994; 2000).

Dalam suatu kaji selidik mengenai penggunaan internet, Haythornthwaite dan Wellman (2002: 32) berhujah bahawa dalam konteks impak sosialnya internet telah merubah masyarakat dalam segala hal, ia juga mengawal perubahan daripada masyarakat sosial menjadi masyarakat peribadi yang terpecah-belah secara individu. Meskipun kebanyakan individu mempunyai hubungan yang rapat secara sosial, namun mereka tidak rapat secara fizikal. Hubungan sedemikian menyebar dalam kawasan metropolitan dan juga berlaku secara antarabangsa. Pada ketika ini, e-mel dan internet yang mengekalkan hubungan tersebut. Kebanyakan orang tidak hidup terikat dalam satu masyarakat. Sebaliknya, mereka bergerak melalui pelbagai

komuniti, memberikan komitmen terhadap untuk setiap individu yang lain. Kehidupan mereka adalah “*glocalized*”: menggabungkan hubungan jarak jauh dengan penglibatan berterusan dari dalam rumah, kejiwaan dan tapak kerja.

Kemajuan teknologi internet ternyata tidak sahaja memberikan impak yang kuat bagi penggunaannya, malahan ia juga telah menciptakan suatu kehidupan baru bagi struktur pola interaksi manusia. Proses komunikasi sekarang tidak hanya dapat dilakukan secara konvensional yang mana hanya saling menghantarkan mesej dalam bentuk suara dan tulisan. Kini, interaksi dapat dilakukan dengan menghantarkan pelbagai jenis mesej, dari imej sebenar sehingga imej yang telah diubahsuai. Green (2002) menyatakan bahawa pengguna perseorangan dalam internet kini boleh memilih antara pelbagai jenis dan bentuk mesej serta saluran yang ada di dalamnya. Dengan menggunakan internet, mereka juga cenderung boleh mengungkapkan keperibadian mereka serta mengungkapkan perbezaan pandangan mereka dengan orang lain.

Sebelum itu, Markham (1998) juga menyatakan bahawa seseorang akan memiliki keperibadian yang berbeza ketika online, seperti mereka boleh mengurangkan rasa malu dan merasa lebih percaya kepada diri sendiri. Mereka akan memiliki lebih banyak perkara yang boleh dikatakan. Dengan menggunakan teknologi, mereka boleh menikmati kebebasan kerana mereka boleh menetapkan atau melakukan sesuatu yang lain dari amalan kehidupan biasa. Mereka menggunakan teknologi untuk memudahkan kehidupan serta berkomunikasi secara online untuk menghubungkan diri dengan orang lain dalam pelbagai cara, antaranya dengan membentuk satu komuniti online. Kewujudan internet telah membantu terciptanya

wadah baru dalam berkomunikasi, termasuk juga satu lokasi bagi masyarakat untuk membentuk satu komuniti tertentu.

Kewujudan internet dalam masyarakat juga telah membawa perubahan bagi kehidupan sosial. Seperti yang dinyatakan oleh Slevin (2000), internet telah menjadi media bagi perubahan budaya, inilah inti daripada konsep *technoculture*<sup>1</sup>. Kemunculan komuniti online yang dimudahkan oleh kehadiran internet telah membawa suatu perubahan bagi kehidupan sosial. Pelbagai laman web telah memberikan pelbagai bentuk hubungan dan asas bagi sebuah proses komunikasi secara maya. Internet telah memberikan kemudahan bagi masyarakat untuk bertukar fikiran atau gagasan mengenai hal-hal yang menjadi minat dan kesukaan mereka, dari bidang politik, sukan, pendidikan hingga perbelanjaan. Beberapa laman web jaringan sosial (*social network website*) atau biasa juga disebut sebagai media sosial, memungkinkan setiap individu boleh berkomunikasi dengan orang ramai dalam tempoh waktu yang hampir bersamaan dan secara serentak. Melalui media sosial seperti MySpace, Friendster, WAYN, Twitter dan juga Facebook contohnya, sesiapa sahaja dapat berkomunikasi bahkan meningkatkan jumlah rakan komunikasi dari semasa ke semasa dan berinteraksi antara satu sama lain dengan pola-pola yang semakin pelbagai, termasuk juga dalam membuat satu jaringan sosial.

---

<sup>1</sup> *Technoculture* merujuk kepada interaksi antara politik, teknologi dan budaya. Manser dan Aronowitz (1996) menyatakan bahawa teknologi, alam dan budaya semuanya saling berkaitan, bukan hanya dalam konteks amalannya, tetapi secara ontologis. Subjeknya tidak boleh hanya ditakrifkan sebagai manusia. Subjek itu boleh meliputi alam, budaya, teknologi, yang disebut sebagai teknologi sosial dan kesemua itu saling berkaitan. McLuhan (1997) adalah yang paling terkenal untuk konsep “perkampungan global.” Beliau menyatakan tentang bagaimana impak media terhadap masyarakat dan budaya. Manakala, Shaw (2008) menekankan bahawa tempat daripada sains dan teknologi dalam budaya saat ini dan meneroka kuasa idea-idea saintifik, kesannya kepada bagaimana kita memahami dunia semulajadi dan bagaimana perkembangan teknologi yang berturut-turut telah mempengaruhi sikap kita untuk bekerja, seni, ruang, bahasa dan tubuh manusia.

Telah banyak diskusi yang dikembangkan mengenai topik jaringan sosial dan keberkesannya yang boleh memainkan peranan dalam pembentukan dan mobilisasi satu gerakan sosial. Gerakan sosial moden kerap menggunakan teknologi dan internet untuk membangkitkan gerakannya secara menyeluruh (Wilkinson, 1971: 27). Kewujudan media baru ini telah merubah bentuk gerakan sosial yang dapat dikatakan sebagai gerakan sosial bentuk baru. Gerakan sosial baru telah memanfaatkan kewujudan internet melalui pelbagai bentuk dan jenisnya. Gerakan sosial baru telah mengenal pasti bahawa internet adalah wadah yang sempurna. Dengan menggabungkan peralatan teknologi dan idea-idea inovatif, pejuang-pejuang gerakan sosial dapat mencapai tujuan mereka dengan lebih baik. Kemungkinan-kemungkinan baru juga dapat muncul dan gerakan sosial baru ini mengambil keuntungan daripadanya (Piscina, 2007: 7).

Kemunculan media baru tersebut juga memberikan peluang bagi proses komunikasi politik dalam bentuk yang baru (Moog dan Sluyter-Beltrao, 2001: 56). Akses internet yang tersebar ke seluruh penjuru dunia dan dapat diakses oleh seluruh lapisan masyarakat telah membawa peluang baru untuk akses langsung kepada maklumat-maklumat politik serta ianya dapat menciptakan suatu wacana interaktif bagi masyarakatnya itu sendiri (Moss, 2000). Termasuk juga media sosial yang menyediakan wadah bagi ahli-ahli komunitinya untuk berinteraksi dan mengumpulkan kuasa untuk mewujudkan pandangan awam yang seterusnya diwacanakan oleh ahli-ahli komuniti dengan tujuan untuk menarik perhatian dan mempengaruhi masyarakat. Sebagai contoh, protes rakyat Iran pada tahun 2009 menunjukkan jaringan sosial telah membuat satu pergerakan rakyat yang lebih pantas dan lebih mudah. Masyarakat Iran boleh berkomunikasi menentang pemilihan

Mahmoud Ahmadinejad dengan menggunakan media sosial seperti Twitter dan juga Facebook. Contoh keberkesanan dari media sosial lainnya adalah kemenangan Barack Obama pada Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat tahun 2009, faktor kejayaan besar bagi kemenangan Obama adalah telah digunakannya media sosial dan sarana teknologi maklumat sebagai bahagian daripada strategi kempen beliau.<sup>2</sup>

Contoh dalam konteks politik lainnya adalah kes yang berlaku di Mesir. Seluruh rakyat bersatu dan berhasil menjatuhkan Hosni Mubarak yang telah memimpin Mesir sebagai Presiden selama 30 tahun. Salah satu faktor yang cukup signifikan adalah komunikasi yang terwujud melalui media sosial yang telah membawa kuasa politik rakyat yang besar. Pakar pemasaran sosial Indonesia, Yuswo Hadi (2011) menyebut fenomena ini sebagai '*mega community*'. Beliau menambah bahawa revolusi Mesir memberikan satu pelajaran bagi diktator-diktator, rejim-rejim dan kerajaan kejam; Facebook dan Twitter kini menjadi '*musuh paling berbahaya*' bagi mereka.

Beberapa kes yang cukup menarik perhatian awam mengenai penggunaan media sosial dalam membantu gerakan sosial dan mewujudkan komuniti online juga telah berlaku di Indonesia. Antaranya adalah kes Prita Mulyasari, seorang suri rumah yang didakwa enam bulan penjara dan saman sejumlah 204 juta rupiah Indonesia atau sekitar RM 68,000 kerana disangka telah mencemarkan nama baik hospital Omni International, padahal beliau hanya berkongsi pengalaman buruknya melalui

---

<sup>2</sup> The European Business Review. *Obama and the Power of Social Media and Technology*. Diakses pada 2hb Mei 2013 daripada <http://faculty-gsb.stanford.edu/aaker/pages/documents/TEBRMay-June-Obama.pdf>.

sebuah senarai mel mengenai perkhidmatan hospital tersebut.<sup>3</sup> Kes lainnya adalah gerakan sosial melalui Facebook bagi mengumpulkan sumbangan untuk Bilqis Anindya Passha, bayi berumur 17 bulan yang mengidap penyakit saluran hempedu. Gerakan tersebut bernama ‘Gerakan Koin Cinta Bilkis’. Tidak lebih dari satu bulan setelah gerakan tersebut diwujudkan melalui media sosial Facebook, derma yang terkumpul telah mencapai 1.3 bilion rupiah Indonesia atau sejumlah RM 448,000.

Satu lagi kes yang dapat dianggap besar dan mendapat perhatian pengguna media sosial Facebook adalah kumpulan yang bernama “Gerakan 1,000,000 Facebookers Sokong Chandra Hamzah dan Bibit Samad Riyanto.” Chandra dan Bibit adalah ahli Komisi Pembanterasan Korupsi/Rasuah (KPK) di Indonesia, yang ditangkap polis kerana dianggap telah menyalahgunakan kuasa. Mereka sering mengadakan sidang akhbar ketika status mereka sebagai ahli KPK tidak diaktifkan. Pihak polis bimbang jika sidang akhbar yang kerap mereka lakukan ini boleh mengalihkan pandangan awam dan dapat mengganggu siasatan atas kes rasuah yang sedang mereka lakukan.<sup>4</sup>

Sebahagian masyarakat memandang bahawa penahanan kedua ahli KPK tersebut sebagai satu bentuk perlakuan undang-undang yang tidak adil. Mereka beranggapan bahawa penahanan mereka semata-mata hanya untuk ‘membungkam mulut’ agar mereka tidak mendedahkan hal-hal yang berkaitan dengan masalah

---

<sup>3</sup> Setelah berita tentang kes ini disiarkan oleh media massa, maka pengguna Facebook pun membuat satu gerakan syiling untuk Prita yang tujuannya akan membayarkan saman tersebut dalam bentuk syiling. Dapat dibayangkan berapa banyak syiling yang terkumpul dengan jumlah 261 juta rupiah Indonesia dan makna dari gerakan ini adalah mengumpulkan sokongan tidak sahaja dalam bentuk wang tetapi juga dalam bentuk moral yang merupakan satu sindiran terhadap bentuk-bentuk ketidakadilan. Setelah 25 hari ditahan dalam penjara, akhirnya Prita pun dibebaskan.

<sup>4</sup> ETA (2009) *Bibit-Chandra Ditahan Akibat Konferensi Pers*. Diakses pada tarikh 2hb Mei 2013 daripada [www.berita.liputan6.com](http://www.berita.liputan6.com).

rasuah yang melibatkan pihak-pihak tertentu.<sup>5</sup> Meskipun tekanan terhadap pihak polis tidak hanya dilakukan melalui kumpulan dalam media sosial Facebook, namun terbukti bahawa kumpulan dalam Facebook ini diminati oleh orang ramai di Indonesia. Dari awal pengwujudan kumpulan ini pada 29hb Oktober 2009 sehingga 5hb Mac 2011, ahli yang telah menyertai kumpulan ini adalah seramai 1,312,770 orang<sup>6</sup>, ini menyebabkan tekanan daripada kumpulan tersebut terhadap pihak polis bagi membebaskan kedua ahli KPK yang ditahan menjadi lebih kuat. Selain daripada itu, tekanan juga dilakukan oleh pelbagai media arus perdana, seperti akhbar, radio dan terutamanya adalah televisyen, serta melalui tunjuk perasaan yang dilakukan secara nyata oleh kumpulan-kumpulan gerakan anti-rasuah dalam masa yang relatif bersamaan.

Berikutan sokongan dari pelbagai kalangan masyarakat tersebut yang bersatu dalam satu kekuatan rakyat yang besar, maka pada 3hb November 2009 kedua-dua ahli KPK tersebut pun dibebaskan. Setelah kedua-dua ahli KPK tersebut dibebaskan, topik-topik perbincangan dalam kumpulan tersebut, seterusnya telah berkembang kepada isu-isu pembanterasan rasuah. Ini berikutan dengan penyelesaian kes-kes rasuah di Indonesia yang dianggap masih tidak seimbang dengan jumlah kes rasuah yang berlaku.

Selain itu, penyelesaian kes-kes rasuah tersebut dianggap belum serius, masih kerap terjadi hukuman yang diberikan kepada perasuah dianggap terlalu ringan jika dibandingkan dengan jumlah wang yang dirasuahnya. Berdasarkan data dari *Indonesian Corruption Watch* (ICW), sebuah lembaga bukan kerajaan yang

---

<sup>5</sup> Kompas (2009) *Penahanan Bibit-Chandra Menuai Protes*. Diakses pada 3hb Mei 2012 daripada Akhbar Harian Kompas.

<sup>6</sup> Diakses pada 5hb Mac 2011 daripada <http://www.facebook.com>.

mengawal kes-kes rasuah di Indonesia, purata hukuman yang diberikan kepada perasuah adalah tiga setengah tahun penjara. Ini masih dianggap sebagai tidak setanding dengan perbuatannya.<sup>7</sup> Keadaan yang sedemikian telah membuat kumpulan tersebut berkembang menjadi kumpulan gerakan sosial anti-rasuah dalam media sosial Facebook di Indonesia.

Penggunaan media sosial di Indonesia termasuk dalam kategori yang luar biasa. Alexa, laman web pemantau internet dari California, Amerika Syarikat meletakkan Facebook di peringkat pertama sebagai laman web yang paling ramai dikunjungi di Indonesia, melebihi aplikasi Google dan Yahoo. Manakala menurut data yang dikeluarkan oleh Socialbakers<sup>8</sup> pada tarikh 6hb Mac 2013, pengguna Facebook di Indonesia melebihi jumlah pengguna Facebook di United Kingdom (UK), Perancis dan Jerman. Secara jumlahnya, pengguna Facebook di Indonesia mencapai 47,165,080, manakala di United Kingdom hanya seramai 32,175,460 pengguna, Perancis seramai 25,307,820 pengguna dan Jerman seramai 25,063,880 pengguna. Amerika Syarikat sebagai negara di mana Facebook berasal, masih tetap memiliki jumlah pengguna yang teramai iaitu 163,071,460 pengguna. Secara terperinci, data mengenai negara pengguna Facebook terbesar di dunia adalah seperti berikut:

---

<sup>7</sup> Icha Rastika dan Laksono Hari W (2012) *Rata-Rata Vonis Untuk Koruptor Hanya 3.5 Tahun Penjara*. Diakses pada tarikh 3hb Mei 2012 daripada [www.nasional.kompas.com](http://www.nasional.kompas.com).

<sup>8</sup> Socialbakers adalah sebuah firma penganalisis media sosial dengan laman web [www.checkfacebook.com](http://www.checkfacebook.com) dan [www.socialbakers.com](http://www.socialbakers.com).

**Jadual 1.1** Jumlah Pengguna Facebook Mengikut Negara

*Largest Countries on Facebook*

1. United States	163,071,460
2. Brazil	66,552,420
3. India	61,499,220
<b>4. Indonesia</b>	<b>47,165,080</b>
5. Mexico	39,945,620
6. Turkey	32,438,200
7. United Kingdom (UK)	32,175,460
8. Philippines	30,094,560
9. France	25,307,820
10. Germany	25,063,880

Sumber : *checkfacebook.com* diakses pada tarikh 6hb Mac 2013.

Selain itu, *CheckFacebook* mencatatkan bahawa 100% pengguna Facebook di Indonesia memanfaatkan akaun yang mereka miliki. Sebagai gambaran, dari 140 juta pengguna Facebook di Amerika Syarikat, hanya 63.81% pengguna yang aktif, manakala di UK, pengguna yang aktif mencapai 64.36%. Jika dilihat dari data *Socialbakers* (tarikh 6hb Mac 2013), Indonesia adalah negara dengan tahap pertumbuhan pengguna Facebook tertinggi di dunia. Dalam seminggu, pengguna Facebook di Indonesia meningkat 0.21% atau seramai 97,220 pengguna, diikuti seterusnya oleh Bolivia 1.04% atau seramai 18,840 pengguna, Bosnia and Herzegovina 0.92% atau seramai 12,720 pengguna, Algeria 0.17% atau seramai 7,360 pengguna dan Uganda 0.92% atau seramai 4,880 pengguna. Data mengenai pertumbuhan pengguna Facebook di dunia dapat dilihat pada jadual berikut:

**Jadual 1.2** Pertumbuhan Pengguna Facebook Mengikut Negara

*Fastest Growing Countries on Facebook*

1. Indonesia	0.21%	97,200
2. Bolivia	1.04%	18,840
3. Bosnia and Herzegovina	0.92%	12,720
4. Algeria	0.17%	7,360
5. Uganda	0.92%	4,880
6. Cameroon	0.81%	4,560
7. Cape Verde	1.64%	1,780
8. Czech Republic	0.03%	1,140
9. Cyprus	0.18%	1,060
10. Saint Lucia	1.58%	900

*Sumber : checkfacebook.com diakses pada tarikh 6hb Mac 2013.*

Seterusnya, menurut sebuah kaji selidik yang diselenggarakan oleh Asosiasi Penyelenggara Jasa Internet Indonesia (APJII), yang dikeluarkan oleh [www.kompas.com](http://www.kompas.com) (tarikh 13hb Disember 2012), jumlah pengguna internet di Indonesia tahun 2012 telah mencapai 63 juta orang atau 24.23% dari jumlah populasi penduduk negara. Sebelumnya APJII juga telah melaporkan data pengguna internet pada tahun 2010 iaitu mencapai 45 juta pengguna.<sup>9</sup>

## 1.2 Rasional Kajian

Kajian ini penting kerana kewujudan internet telah membawa perubahan besar bagi kehidupan manusia, terutamanya dalam konteks pertukaran maklumat, cara serta pola berkomunikasi. Kejadian yang luar biasa akhir-akhir ini adalah

---

<sup>9</sup>Tovanno Valentiino (2013) *18-19 Juta Pengguna Baru Internet di 2013 Didominasi Kalangan "Middle Class"*. Diakses pada 3hb Mei 2013 daripada <http://teknologi.kompasiana.com>.

wujudnya kuasa gerakan sosial yang dimudahkan oleh media sosial, antara satu bentuk media yang wujud dalam internet. Gerakan sosial dalam media sosial ini telah menunjukkan kuasanya dalam beberapa kejadian tertentu, bahkan dalam kaitannya dengan kebebasan dalam mengemukakan pandangan dan menentang ketidakadilan yang dirasakan oleh rakyat terhadap pemimpinnya. Sirky (2011) menyatakan bahawa media sosial memiliki keupayaan luar biasa dalam mencetuskan gerakan politik kerana ia mampu mengembangkan kesedaran yang dikongsi dalam kalangan ahli sebuah gerakan politik. Keadaan tersebut akan semakin mudah terjadi ketika suatu masyarakat tertentu sedang berada dalam keadaan tidak stabil, antaranya disebabkan oleh menurunnya kepercayaan masyarakat terhadap proses pemerintahan yang berlangsung di sesuatu negara.

Kewujudan media internet telah membawa impak kepada pola dan ciri-ciri komunikasi. Ciri-ciri komunikasi yang boleh dilakukan di mana sahaja dan bila-bila masa telah semakin dikukuhkan dengan kewujudan internet ini. Malah jika pemahaman terdahulu bahawa ciri-ciri tersebut hanya terhad kepada diterimanya mesej dalam bentuk yang konvensional (mungkin sahaja tanpa adanya proses interaksi yang pantas), maka sekarang proses komunikasi dapat dilakukan dengan lebih interaktif, pantas dan sempurna. Setiap pihak yang berkomunikasi dapat melihat dan mendengar secara langsung dalam waktu yang secara relatifnya sama. Pola komunikasi yang sedemikian ternyata berimpak kepada cara bagaimana masyarakat memahami kehidupan mereka dan juga cara mereka melakukan tindakan pada masa dan ruang yang dimilikinya (Green, 2005: 63).

Kuasa gerakan sosial melalui media sosial ini adalah suatu bentuk daripada penggunaan ruang awam dalam mewujudkan satu kumpulan penekan kepada kerajaan. Fernback (1997) menyatakan bahawa dunia maya pada intinya adalah kewujudan semula daripada ruang awam bagi tindakan sosial, politik, ekonomi dan budaya. Alam maya telah menjadi satu arena baru untuk penyertaan dalam kehidupan awam. Pengguna boleh bertindak sebagai penonton media, namun pengguna juga penulis, retorik awam atau penganalisis politik.

Kehidupan awam yang berada dalam dunia maya adalah manifestasi tertentu bagi masyarakat, penuh dengan penerimaan atau persetujuan dan pertentangan. Ia lebih susah bagi negara untuk mengatur dan mengawal internet berbanding media massa tradisional. Internet adalah ruang awam yang lebih ideal (bagi gerakan sosial) berbanding media massa lainnya. Interaksi yang terjadi dalam media sosial adalah salah satu bukti nyata yang memanfaatkan ruang awam (*public sphere*). Segala kemudahan yang tersedia di dalam dunia maya telah menjadi arena maklumat dan komunikasi bagi masyarakat untuk terbabit di dalamnya, yang mana salah satunya adalah dengan terwujudnya jaringan sosial yang dapat mempengaruhi bentuk komunikasi termasuk juga pola dan ciri-ciri komunikasi (Tracey, 1999). Suatu kajian yang telah dilakukan oleh Smoreda dan Thomas (2001) menunjukkan bahawa di Eropah juga telah berlaku satu keadaan yang mana struktur jaringan sosial dapat mempengaruhi penggunaan pola komunikasi ahli-ahlinya (Haddon, 2004: 73).

Pada era reformasi ini, rakyat Indonesia sedang mengalami kehairahan era kebebasan maklumat. Melalui media sosial di internet, setiap orang dapat menyuarakan perasaan, idea ataupun gagasannya dengan lebih 'bebas' dan lebih

ekspresif dalam pengertian sesuai dengan apa yang mereka inginkan dan mereka perlukan. Kajian yang dilakukan oleh Nugroho (2011) mendapati bahawa media sosial di Indonesia dinilai sebagai sangat dinamik dan akan terus berkembang menjadi satu di antara penggerak perubahan sosial di Indonesia. Hasil kajian tersebut juga menunjukkan adanya timbal balik antara cara aktiviti awam dengan kegiatan oleh pejuang aktiviti sivil yang dibentuk oleh penggunaan media sosial serta cara internet dan media sosial menjalankan peranan sebagai ‘pentas’ untuk aktiviti sivil. Ada hubung kait positif antara media sosial dengan perubahan sosial. Antara aktiviti sivil di Indonesia contohnya adalah pelbagai gerakan sosial di Facebook yang berkemampuan mendedahkan isu-isu sosial di kalangan awam dan memungkinkan berlakunya perubahan dalam masyarakat secara lebih luas.<sup>10</sup> Untuk itu kajian ini penting dilakukan untuk mendapatkan keterangan atau maklumat yang rinci berkaitan dengan proses pembinaan wacana sebagai bentuk dari representasi ideologi masyarakat mengenai isu pembanterasannya rasuah di Indonesia yang juga berkait dengan faktor-faktor sosial lainnya, seperti politik, ekonomi dan budaya.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Persoalan utama dalam kajian ini ialah bagaimana pola dan ciri-ciri komunikasi yang berlaku di dalam gerakan sosial anti-rasuah melalui perbincangan ahli-ahli kumpulan atau komuniti dalam media sosial Facebook? Bagaimana ideologi berperanan sebagai kerangka asas untuk mengatur kognisi sosial yang dikongsi oleh ahli-ahli kumpulan? Apakah faktor-faktor yang menjadi latar belakang ahli-ahli kumpulan menyertai gerakan sosial anti-rasuah di media sosial Facebook?

---

<sup>10</sup> *Peranan Media Sosial Bagi Perubahan* (2011). Diakses pada 5hb Mei 2015 daripada <http://nationalgeographic.co.id>.

Bagaimana media sosial membantu mewujudkan gerakan sosial anti-rasuah dan komunitas online di Indonesia melalui media sosial Facebook?

## **1.4 Objektif dan Kepentingan Kajian**

### **1.4.1 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada persoalan kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk meneliti bahan-bahan dalam bentuk perbincangan ahli-ahli kumpulan dalam media sosial Facebook yang mewacanakan gerakan sosial anti-rasuah.
2. Untuk mengenal pasti dan menganalisis pola dan ciri-ciri komunikasi gerakan sosial anti-rasuah melalui perbincangan antara ahli kumpulan atau komunitas dalam media sosial Facebook.
3. Untuk memahami peranan ideologi sebagai kerangka asas untuk mengatur kognisi sosial yang dikongsi oleh ahli-ahli kumpulan.
4. Untuk menganalisis faktor-faktor yang menjadi latar belakang ahli-ahli kumpulan menyertai gerakan sosial anti-rasuah di media sosial Facebook.
5. Untuk menerangkan peranan media sosial membantu mewujudkan gerakan sosial anti-rasuah dan komunitas online di Indonesia melalui media sosial Facebook.

### **1.4.2 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mempunyai kepentingan-kepentingan iaitu:

1. Media sosial telah membawa implikasi kepada bentuk komunikasi masyarakat, termasuk juga komunikasi yang ditujukan kepada pihak

berkuasa. Maka dianggap penting menganalisis pola dan ciri-ciri komunikasi dalam gerakan sosial anti-rasuah tersebut dengan melihat perbincangan antara peserta kerana daripada perbincangan tersebut dapat diketahui sama ada gerakan sosial tersebut dapat dikatakan sebagai gerakan sosial baru.

2. Ideologi sebagai asas daripada ungkapan komunikasi adalah elemen penting yang dapat berperanan sebagai antara muka (*interface*) yang menghubungkan representasi kognitif dan proses yang mengasaskan wacana dan tindakan oleh satu pihak dan kedudukan sosial serta kepentingan-kepentingan daripada kumpulan-kumpulan sosial di pihak lain (van Dijk, 1995: 18). Oleh itu, kajian komunikasi yang dikaitkan dengan ideologi akan memberikan sumbangan kepada ilmu komunikasi kerana ia melibatkan beberapa konsep penting di dalamnya.
3. Secara akademik, kajian ini penting dilakukan memandangkan teknologi internet telah membawa perubahan besar kepada cara, pola dan ciri-ciri berkomunikasi, maka penemuan kajian ini akan memberikan sumbangan ilmu berkaitan dengan penggunaan media baru (internet) dalam proses komunikasi manusia. Fokus kajian ini menumpukan kepada penggunaan media sosial, yang mana penggunaan media sosial telah menyebabkan perkembangan kajian ilmu komunikasi (sebagai ilmu yang multidisiplin), dalam hal ini berkaitan dengan teknologi dan perubahan sosial. Kajian ini akan menyumbangkan satu pemahaman lain kepada pola komunikasi gerakan sosial dalam komuniti online khususnya di Indonesia.

## 1.5 Skop Kajian

Bagi memaksimumkan hasil kajian dan melakukan pengamatan yang lebih mendalam, maka skop kajian perlu ditentukan. Kajian ini mempunyai ruang lingkup seperti berikut:

1. Kajian dihadkan kepada pengamatan dan analisis kes kumpulan di media sosial Facebook iaitu kumpulan “Gerakan 1,000,000 Facebookers Sokong Chandra Hamzah dan Bibit Samad Riyanto”. Tempoh perbincangan yang diambil sebagai sampel pemerhatian adalah mulai dari tarikh 20hb Disember 2010 sehingga tarikh 17hb Disember 2011. Tempoh tersebut diambil atas pertimbangan bahawa pada tarikh 20hb Disember 2010 telah dilantik Ketua KPK yang baru iaitu Busyro Muqqodas, setelah satu tahun jawatan tersebut kosong. Dengan dilantiknya ketua baru KPK ini, masyarakat mempunyai harapan baru bagi pembanterasannya rasuah dan pengurusan serta pengawalan kes-kes rasuah di Indonesia yang lebih baik dari sebelumnya. Pertimbangan penentuan tarikh tamat dari sampel yang diambil iaitu tarikh 17hb Disember 2011 adalah bertepatan dengan tamatnya tempoh jawatan Busyro Muqqodas sebagai Ketua KPK.<sup>11</sup> Selain itu, tempoh satu tahun ditentukan kerana mempertimbangkan kumpulan ini mempunyai ahli yang sangat ramai, sehingga status dalam penghantaran dinding (*wall posting*) dan juga komen (*comment*) dalam kumpulan ini berjumlah cukup banyak. Berdasarkan pemerhatian terhadap kumpulan tersebut, sekurang-kurangnya dalam sebulan (selama bulan Mac 2011 sebelum dilakukan penapisan sampel) terdapat 160 status hantaran dinding (*wall posting*) dan 243 komen (*comment*).

---

<sup>11</sup> Rusman Paraqbueq (2011) *Komposisi Wakil Ketua KPK Ditentukan Usai Dilantik*. Diakses pada 3hb Mei 2012 daripada <http://www.tempo.co>.

2. Permasalahan kajian dibatasi kepada gerakan sosial yang berlaku dalam komuniti online. Gerakan sosial yang dimaksudkan adalah gerakan sosial yang wujud dalam komuniti online kumpulan anti-rasuah di Indonesia yang bernama “Gerakan 1,000,000 Facebookers Sokong Chandra Hamzah dan Bibit Samad Riyanto”.
3. Berikutan perkembangan isu daripada perbincangan kumpulan ini telah meluas kepada isu pembanterasannya rasuah di Indonesia, maka dari segi konteks, perbincangan yang diambil hanyalah perbincangan dengan topik-topik anti-rasuah yang berkaitan dengan unsur KPK di dalamnya, kerana idea atau gagasan awal kajian ini tertumpu kepada pembanterasannya rasuah oleh institusi KPK.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LALU DAN KERANGKA TEORI

#### 2.1 Pendahuluan

Media sosial telah membawa perubahan besar bagi kehidupan manusia, termasuk juga kepada cara-cara dan pola komunikasi manusia. Baym, Zhan dan Lin (2000) menyatakan bahawa bersosialisasi dengan orang lain adalah yang paling popular dengan menggunakan internet di Amerika Syarikat. Pengkaji-pengkaji tersebut berpandangan bahawa untuk memahami peranan internet dalam kehidupan sosial, seseorang harus membezakan antara pelbagai aktiviti online yang luas, mengenal pasti hubungan individu yang boleh dipantau melalui pelbagai media, menyedari bahawa penggunaan internet ditentukan oleh pilihan daripada penggunaannya dan membuat perbandingan langsung antara hubungan sosial dan makna lainnya. Teknologi maklumat dan komunikasi semasa telah membangkitkan munculnya kegunaan jaringan komuniti bagi penyusunan, penyelarasan dan pemeliharaan aktivisme 'kehidupan nyata' (Biddix and Park, 2008).

Luders (2008) menegaskan bahawa kewujudan media persendirian (telefon bimbit, e-mel, penghantaran mesej segera (*instant messaging*), blog dan juga layanan berkongsi gambar, dapat dikongsi dengan menggunakan kemudahan jaringan digital. Pernyataan tersebut telah mematahkan pandangan yang media massa adalah satu-satunya pembekal maklumat yang dapat diakses secara awam. Kajian tersebut terletak dalam tradisi media-teoritikal, menjelaskan dimensi teknikal dan sosial dari media personal dan menyemak semula perbezaan antara media massa dan media

personal. Model dua dimensi tersebut mencadangkan untuk menempatkan media personal dan media massa mengikut tumpuan interaksi dan tumpuan keinstitutional ataupun profesional: media personal memudahkan interaksi peribadi yang menggunakan media. Penggunaan teknologi media digital mempunyai impak teoritikal yang penting bagi jaringan sosial dan memiliki kesesuaian dengan diskusi yang berlaku semasa setelah era media tradisional. Media personal berbeza dengan media massa secara institusi mahupun struktur dan akibatnya adalah fungsi daripada keduanya juga berbeza. Penekanan kepada implikasi dari perubahan lanskap media bagi amalan diri, jaringan sosial, literasi dan wacana yang tersedia menunjukkan pentingnya menganalisis faedah sosial bagi pengembangan amalan media, meliputi media personal dan media massa.

## **2.2 Sorotan Kajian Lalu**

Jankowski dan van Selm (2000) telah melakukan kajian mengenai demokrasi online yang menumpukan kepada pola komunikasi. Mereka melakukan satu analisis kandungan terhadap tiga laman web daripada tiga parti politik di Belanda iaitu *the Socialist Party*, *the Christian Democratic Party* dan *the Green Party*. Pola maklumat yang digunakan dalam kajian mereka adalah pola yang telah diubahsuai oleh Jensen (1999) yang meliputi penghantaran (*transmission*) dan perundingan (*consultation*) yang menyumbang kepada penyediaan maklumat manakala perbincangan (*conversation*) yang menyumbang kepada pertimbangan (*deliberation*) dan pendaftaran (*registration*) pula menyumbang bagi pengambilan keputusan (*decision-making*) bagi proses demokrasi secara online.

Kajian tersebut mendapati perbezaan kecil di laman web parti dari aspek penyediaan maklumat namun perbezaan yang besar didapati mengenai tahap dan sifat perbincangan politik di laman web. Dari aspek pendaftaran yang menyumbang kepada pengambilan keputusan, ketiga-tiga laman web tersebut tidak menjelaskan prosesnya secara terperinci. Dari aspek mengukur penggunaan laman web dan peluang bagi perbincangan politik yang disertai, telah didapati satu gambaran mengenai imej awam mengenai parti politik berkenaan. Kajian tersebut hanya melihat tindak balas penggunaan laman web berdasarkan kecenderungan secara kuantitatif tanpa melihat konteks yang lebih mendalam sehingga kajian teks secara mendalam (kualitatif) perlu dilakukan untuk melengkapinya. Selain itu juga, kajian tersebut hanya melihat proses pendemokrasian melalui kandungan laman web sedia ada tanpa melakukan analisis teks secara mikro mahupun makro, sehingga satu faktor penting dalam konteks ini yang tidak boleh diketahui adalah bagaimana ideologi telah berperanan di dalam proses pembuatan mesej dalam laman web tersebut.

Sementara dalam konteks gerakan sosial di dalam ruang awam, Piscina (2007) telah melakukan kajian mengenai perkara tersebut. Beliau mengkaji gerakan sosial dalam ruang awam sebagai suatu bentuk baru dari proses komunikasi. Kajian ini didasarkan oleh kerisauan mengenai rasuah dalam bidang politik dan ekonomi yang berlaku sejak kebelakangan ini yang menyebabkan ramai warganegara tidak menyukai institusi-institusi secara umum dan penyertaan politik tradisional secara khusus. Dalam penemuan kajiannya, gerakan ini telah menemukan suatu kerjasama yang penting telah berlaku antara teknologi baru dan internet dalam usaha untuk mencapai tujuan mereka. Komunikasi bentuk baru muncul setiap hari dan aktor

sosial baru ini berjuang membuat kedudukan baru dalam ruang awam. Namun demikian, mereka perlu dilatih sebagai jurucakap dan latihan ini adalah elemen kunci daripada aktiviti komuniti mereka untuk menggerakkan kesedaran, menghidupkan hati seseorang dan memunculkan semula apa yang telah dilupakan. Penemuan kajian tersebut telah membuktikan adanya hubungkait antara teknologi dan aktiviti sosial. Penggunaan teknologi seperti juga internet, tidak boleh dipisahkan daripada aspek-aspek sosial, menerusi pandangan Aronowitz (1996) yang menyatakan bahawa teknologi, alam dan budaya semuanya saling berkaitan, bukan hanya dalam konteks amalannya, tetapi juga secara ontologis. Namun bagaimanapun, kajian ini tidak menganalisis secara lebih mendalam bagaimana ideologi telah memainkan peranan sebagai kerangka asas dalam mengatur kognisi sosial yang dikongsi oleh warganegara yang menjadi aktor-aktor sosial baru tersebut. Kajian ini hanya melihat bagaimana rasuah dalam bidang politik dan ekonomi telah merubah aktiviti sosial mereka, yang semula penyertaan dalam bidang politik dilakukan secara tradisional, telah beralih kepada penyertaan secara online.

Manakala, Humphrey (2010) pula telah melakukan satu kajian mengenai jaringan sosial dan aktiviti sosial. Beliau berhujah bahawa pembinaan dan penyebaran jaringan sosial bergerak (*mobile social network*) mempunyai kemampuan untuk mengubah cara bagaimana masyarakat datang bersama-sama dan berinteraksi di ruang awam. Perkhidmatan ini memungkinkan maklumat jenis baru untuk mengalir ke ruang awam dan boleh mengatur semula aktiviti-aktiviti sosial yang berlaku dalam dunia maya. Jaringan sosial bergerak Dodgeball (sebuah aplikasi media sosial) digunakan dalam kajian kes ini. Mengikut kajian lapangan kualitatif selama setahun, kajian ini mendalami bagaimana Dodgeball telah digunakan sebagai

kemudahan penyertaan sosial dalam ruang awam dan memulai untuk memperluas pemahaman mengenai idea tradisional membabitkan interaksi ruang dan interaksi sosial.

Kajian tersebut meneliti bagaimana idea atau gagasan daripada komunikasi bergerak dan ruang awam dirundingkan dengan menggunakan jaringan sosial bergerak pada setiap hari. Humphrey (2010) juga mengemukakan bahawa Dodgeball memungkinkan pertukaran maklumat sosial bagi mendorong pergantian ruang yang awam menjadi ruang yang terhad dalam dunia maya. Ini disebabkan oleh internet yang telah memberikan kemudahan dalam wujud keakraban dan kesamaan antara ahli-ahlinya. Responden-responden Dodgeball bertukar maklumat antara satu sama lain, sehingga mereka dapat melakukan perbandingan peta sosial (*social map*) terhadap jaringan hubungan tersebut. Proses pertukaran maklumat melalui Dodgeball yang boleh dibatasi telah digunakan untuk menghindari lokasi atau orang-orang tertentu yang tidak ingin mereka temui di dunia maya. Kerumitan interaksi sosial dan amalan ruang (*spatial practice*) telah diserlahkan melalui kajian penggunaan jaringan sosial bergerak setiap hari tersebut.

Kajian mengenai jaringan komunikasi yang menggunakan komputer sebagai pengantara telah dilakukan oleh Lee dan Lee (2010). Kajian tersebut meneliti beberapa faktor modal sosial,<sup>12</sup> penggunaan media dan demografi yang berusaha

---

<sup>12</sup> Coleman (1988) mentakrifkan modal sosial dengan fungsinya sebagai 'pelbagai entiti yang mempunyai dua elemen yang sama: mereka semua terdiri daripada beberapa aspek struktur sosial dan mereka memudahkan tindakan pelakon dalam struktur'. Menurut Bourdieu dan Wacquant (1992: 14) modal sosial adalah 'jumlah sumber (sebenar atau maya) yang bertambah atau terkumpul sedikit demi sedikit kepada individu atau kumpulan menurut kuasa pemprosesan rangkaian yang tahan lama'. Istilah modal sosial seterusnya dipopularkan semula oleh Puttman (2000) yang menyatakan bahawa modal sosial adalah alat yang dapat menghubungkan antara individu ataupun rangkaian sosial dan norma yang bersaling dan kepercayaan yang wujud daripada masyarakat itu sendiri (dalam Lee dan Lee, 2010: 3).

mempengaruhi penggunaan komuniti online. Modal sosial menekankan kepada jaringan sosial dan interaksi, yang mana ia menyokong norma-norma pembahagian tanggungjawab dan pertukaran antara ahli masyarakat (Coleman, 1988; Putnam, 2000). Manakala komuniti online menurut Owston (1998) adalah kumpulan dari mereka yang secara berkala berinteraksi secara online dan berkongsi objektif umum, idea-idea dan nilai-nilai serta memperluaskan konsep mengenai komuniti menjadi dunia online.

Walaupun beberapa pengkaji mempersoalkan penggunaan internet dapat menghakis modal sosial individu, kajian Lee dan Lee (2010) mendapati bahawa individu-individu yang menggunakan internet untuk menyertai komuniti online cenderung memiliki rasa sosial, keramahan dan norma yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang menggunakan internet bukan untuk menyertai komuniti online. Ketika faktor penting modal sosial secara sosiopsikologi, seperti kepercayaan dan kepuasan hidup telah dicapai oleh seseorang individu maka modal sosial tidak sepenuhnya berkaitan dengan penggunaan komuniti online. Oleh itu, Lee dan Lee (2010) mencadangkan bahawa komuniti online boleh meningkatkan keupayaan sosial individu dengan menggunakan teknologi internet, tetapi komunikasi bersemuka dalam bentuk komunikasi tradisional masih lagi penting bagi memastikan kualiti daripada komunikasi secara menyeluruh.

Irwin dan Hramiak (2010) telah melakukan kajian mengenai forum diskusi dalam komuniti online dengan menggunakan kaedah analisis wacana. Kajian tersebut menyelidik papan diskusi online (*online discussion board*) sekumpulan guru-guru dalam latihan untuk memahami secara lebih baik situasi identiti daripada pelajar-

pelajar mereka yang bertugas sebagai tutor. Mesej dalam diskusi mereka adalah kaedah komunikasi utama ketika mereka menjadi tutor dan ketika mereka menjadi pelajar. Pembentangan secara online tersebut menyediakan maklumat mengenai bagaimana tutor meletakkan identiti mereka pada ketika menjadi pelajar dan ketika menjadi tutor.

Kajian Irwin dan Hramiak tersebut meneliti sempadan-sempadan komuniti, bahasa dan budaya telah diteroka secara bersama-sama dalam kuasa dan peranan tutor dalam proses peralihan identiti. Penglibatan ini melihat kepada lexis (*lexis*) yang digunakan oleh pelajar, penggunaan kata ganti nama (*pronoun*) untuk merujuk kepada diri mereka sendiri dan orang lain seperti guru-guru dan murid-murid, jenis mesej yang dibenarkan di dalam komuniti serta kesan mesej seorang tutor kepada komunikasi mereka. Kajian tersebut mendapati bahawa tutor berasa selesa dengan pengajaran tetapi tidak berasa seperti guru-guru semasa mereka menjadi tutor dalam kursus. Tutor dan guru-guru sekolah perlu membangunkan kesedaran tentang sifat dua identiti tutor dan membantu menggalakkan peralihan daripada semasa tutor sebagai pelajar sehingga menjadi guru. Pada awal kursus ini, tutor perlu berjinak dengan istilah kata 'guru' dan konsep praktikal di samping teori pedagogi. Menjelang akhir kursus, identiti tutor sebagai guru boleh dipromosikan melalui penamaan yang sah yang mencerminkan tugas-tugas dan syarat-syarat guru yang sebenar. Berdasarkan kajian tersebut, diketahui bahawa analisis wacana boleh digunakan untuk mengetahui bagaimana proses dan pola komunikasi melalui media online berlaku. Salah satu alat ataupun kaedah yang digunakan dalam kajian tersebut adalah dengan menciptakan genre-genre diskusi yang telah disesuaikan dengan keadaan dan keperluan kajian itu sendiri.